

15 NOV 1999

Hassan-DUN

BN SELANGOR ANGGAP TIGA KAWASAN DUN SEBAGAI KAWASAN HITAM

SHAH ALAM, 15 Nov (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Selangor menganggap tiga kawasan Dewan Undangan Negeri yang diwakili oleh pembangkang sebagai antara kawasan hitam yang perlu dilipatgandakan usaha untuk menawannya kembali pada pilihan raya kali ini.

Menteri Besar, merangkap pengerusi BN Negeri, Datuk Seri Abu Hassan Omar berkata pihaknya sudah mengklasifikasi beberapa kawasan DUN di Selangor sebagai kawasan "hitam" dan "kelabu" yang perlu diberi tumpuan kempen semasa pilihan raya ini.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas berapa banyak kawasan hitam yang terdapat di Selangor pada masa ini dan berkata BN akan berusaha keras untuk memperolehi kemenangan tanpa mengira kawasan.

Pada pilihan raya lepas DAP berjaya memperolehi tiga kerusi Dewan Undangan Negeri di Bukit Gasing, Damansara Utama dan Bandar Klang manakala semua 17 kawasan Parlimen disapu bersih oleh BN.

"Kita usahakan kemenangan, jika perlu Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) dan timbalannya (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) juga akan kita jemput untuk membantu (berkempen) di beberapa kawasan di sini," katanya pada persidangan berita selepas menghadiri perjumpaan dengan pegawai-pegawai kerajaan di Dewan Jubli Perak, di sini hari ini.

Abu Hassan berkata walaupun semalam Perdana Menteri menyatakan bahawa hanya empat negeri yang perlu diberi tumpuan kempen pilihan raya kali ini iaitu Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis, namun ia tidak bermakna bahawa kempen di negeri-negeri lain boleh diabaikan.

Merujuk kepada senarai calon BN pula, Abu Hassan berkata pada masa ini para Menteri Besar sedang mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri untuk memilih calon yang sesuai.

Katanya perbincangan itu mungkin akan memakan masa selama dua atau tiga hari sebelum keputusan dibuat dan beliau menjangkakan senarai itu akan diperolehi pada Khamis ini.

Sementara itu, Abu Hassan berkata perjumpaan dengan para pegawai kerajaan hari ini adalah untuk mengingatkan mereka mengenai tanggungjawab menguruskan jentera pentadbiran kerajaan seperti biasa walaupun Parlimen sudah dibubar.

Beliau berkata walaupun negara kini diuruskan oleh kerajaan sementara, jentera pentadbirannya masih perlu diteruskan seperti biasa dan keselamatan perlu dijaga bagi menjamin kestabilan negara.

-- BERNAMA

AZH RHM